

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Latar belakang.**

Dalam sesebuah organisasi sekolah, guru adalah merupakan aset atau harta yang paling bernilai dalam mempertingkatkan kecemerlangan pendidikan. Aset atau harta ini sekiranya tidak digilap dengan program perkembangan staf akan menyebabkan ia terus pasif dan semakin menurun prestasinya mengikut masa. Untuk mengatasi masalah tersebut program perkembangan staf atau latihan dalam perkhidmatan merupakan salah satu alat atau program untuk memperkembangkan lagi potensi sumber manusia. Ini selaras dengan matlamat pendidikan yang efektif, kualiti kakitangan sangat penting walaupun sesebuah sekolah itu mempunyai kewangan dan fizikal yang canggih.

Kementerian Pendidikan pada tahun 1960-an dan 1970-an lebih menumpukan kepada penambahbaikan kurikulum pelajaran bagi mengantikan kurikulum yang ditinggalkan oleh penjajah. Tahun 1980-an dan 1990-an program perkembangan staf telah diberikan tumpuan dan penekanan atas dua sebab utama. Pertama kursus dan latihan perguruan asas di Maktab Perguruan dan Universiti tidak dapat melengkapkan para guru dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan program dan kurikulum baru. Sebab kedua guru perlu terdedah kepada program - program terkini dan program perkembangan staf turut membantu guru menjadi lebih

efektif. Diharapkan program perkembangan staf ini dapat membantu guru menjadi lebih efektif bagi membina satu budaya pembelajaran yang lebih berkesan.

Dunia pendidikan di Malaysia perlu berubah daripada budaya hafalan kepada pemikiran yang lebih kreatif di kalangan pelajar. Untuk membuat perubahan itu sistem persekolahan perlu berubah secara radikal ke arah pembelajaran dan pengajaran yang berliterasi teknologi, berupaya bertindak dalam sekitaran kerja yang bersifat global dan menggunakan alat yang sedia ada dalam zaman maklumat. Menurut Pasukan Petugas Sekolah Bestari (1997) pada tahun 2010 semua sepuluh ribu sekolah di Malaysia akan menjadi sekolah bestari yang konsep pembelajarannya bercorak terarah kendiri, mengikut kadar individu, kesinambungan dan reflektif. Ini bermakna pembelajaran akan berubah daripada berpusatkan guru kepada berpusatkan pelajar dengan panduan kurikulum yang lebih terbuka dan fleksibel. Selaras dengan perubahan itu, pengubahsuaian sekolah perlu dilakukan dari pelbagai segi seperti pembelajaran, pengajaran, kurikulum, bilik darjah dan penilaian. Perubahan yang terpenting ialah penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan.

Knapp dan Glenn (1996) menyatakan teknologi adalah penting dalam memberikan pendekatan baru kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang meliputi komputer, CD ROM , telefon, fax, video, satelit dan internet. Menurutnya lagi penggunaan teknologi yang berkesan dalam bilik darjah membolehkan guru lebih berjaya membimbing pelajar dan beberapa perubahan positif akan berlaku seperti :

1. Guru lebih bersedia dan pelajar lebih mengambil berat untuk persediaan di kelas.

2. Boleh melakukan pembelajaran dengan menggunakan bahan yang komplek.
3. Meningkatkan pemahaman pelajar terhadap lebih banyak konsep.
4. Boleh membentuk pelajar yang lebih baik pencapaian pelajaran.
5. Pembelajaran terarah kepada berpusatkan pelajar.
6. Pembelajaran lebih profesional dengan guru hanya memberikan sedikit maklumat kepada pelajar tetapi lebih banyak masa untuk membantu pembelajaran pelajar.

Penggunaan teknologi dalam pendidikan merupakan satu sistem yang meliputi alat dan bahan media , pengetahuan dan kemahiran bagi menghasilkan kecekapan dalam pengajaran dan pembelajaran yang perlu dilihat sebagai teori komunikasi yang akan melibatkan soal bagaimana manusia menjalankan hubungan antara satu sama lain dalam proses kerja yang bersistem (Ismail Hj Adnan,1989). Maka penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan akan meningkatkan beberapa implikasi positif antaranya :

1. Melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran.
2. Menjimatkan masa , tenaga dan kewangan.
3. Mengelakkan rasa bosan pelajar.
4. Menghiburkan pelajar sambil belajar.
5. Memberi kelainan dan kepelbagaiannya kepada kaedah mengajar.
6. Membantu pelajar mendapatkan kesan pembelajaran maksimum dengan penggunaan masa minimum ( Ismail Haji Adnan ).

Menurut Abd Rahim Abd Rashid (1999) penggunaan teknologi maklumat sebagai media pengajaran dan pembelajaran turut membantu perkembangan intelektual dan kemahiran berfikir pelajar. Penggunaan multimedia, CD ROM , Internet, halaman ( *WEB* ) dan pelbagai *software* yang merangsang perkembangan minda dan daya intelek pelajar menjadikan teknologi maklumat sebagai alat dan inovasi pembelajaran dan pengajaran yang amat penting dalam mencorakkan budaya belajar yang inovatif dan kreatif di sekolah.

Ini menunjukkan kemahiran menggunakan teknologi maklumat perlu ditekankan kepada warga pendidik dan pelajar dalam merealisasikan sekolah bestari di Malaysia. Selaras dengan zaman kini yang sumber maklumat diperolehi dengan sekelip mata menggunakan komputer serta dunia bersifat global.

Secara kesimpulannya program perkembangan staf yang dijalankan di Malaysia ataupun di luar negara merupakan satu program penyuntik semangat kepada guru supaya lebih efektif. Program perkembangan staf ini bermatlamat untuk mengubah pengajaran dan pembelajaran dalam menuju kepada guru yang efektif dan sekolah yang berkesan. Selaras dengan pembentukan sekolah bestari yang bermula 1999 program perkembangan staf yang sesuai perlu dijalankan bagi membimbing guru-guru menjalankan pembelajaran berfokuskan matlamat sekolah bestari.

## **1.2 Pernyataan masalah .**

Pelbagai tujuan telah menjadi matlamat dalam program perkembangan staf. Dalam konteks di Malaysia, program perkembangan staf merupakan satu program yang

bermatlamatkan atau diselaraskan dengan Dasar Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Negara dalam dasar, falsafah, matlamat, proses dan aktivitinya.

Mengikut Hussein Ahmad ( 1990 ) program perkembangan staf merupakan satu program yang diberikan dari masa ke semasa bertujuan memberi semangat baru melalui kursus penyegaran dan juga kursus-kursus dalam perkhidmatan di institusi-institusi latihan bagi memperkenalkan mereka dengan kurikulum baru dan strategi pelaksanaan kurikulum yang berkaitan sebagai pilihan yang tepat dan menyeluruh. Program perkembangan staf boleh dijalankan di peringkat sekolah memandangkan terhadnya bilangan tempat di institusi latihan berbanding bilangan guru yang ramai. Ini boleh dilaksanakan dengan melibatkan sepenuhnya pihak sekolah. Pihak sekolah seharusnya lebih arif tentang kelemahan dan kekuatan staf dan program yang diperlukan oleh staf di sekolah tersebut bagi meningkatkan profesionalisme dalam pendidikan. Program perkembangan staf atau program dalam perkhidmatan berperanan dalam menyampaikan maklumat dan pengetahuan baru , mempertingkatkan kemahiran, kebolehan dan profesionalisme dan memupuk semangat di kalangan kakitangan yang terlibat dalam bidang pendidikan terutama sekali guru - guru.

Namun begitu program perkembangan staf seringkali mengabaikan kehendak dan keperluan guru-guru. Program perkembangan staf untuk pendedahan kepada guru mengenai sekolah bestari perlu dijalankan mengikut keperluan serta tahap kefahaman guru-guru mengenai sekolah bestari. Program ini selalu diadakan atas arahan pihak atasaran seperti Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri, Pegawai Pendidikan Daerah dengan sedikit pertimbangan diberi kepada keperluan-keperluan staf.

Tempat dan masa program tersebut juga tidak memenuhi kehendak para peserta. Sukumaran (1984) dalam kajiannya menunjukkan bahawa tempat program perkembangan staf tidak dipersetujui oleh peserta tetapi ditentukan oleh pihak pengajur. Kandungan atau kurikulum program perkembangan staf juga seringkali tidak memenuhi kehendak dan keperluan guru-guru. Berdasarkan kepada permasalahan tersebut, kajian ini akan cuba mendapatkan jawaban apakah bentuk program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan bagi memenuhi keperluan guru-guru.

### **1.3 Tujuan kajian.**

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap pemahaman guru-guru mengenai sekolah bestari serta keperluan guru-guru dalam program perkembangan staf mengenai sekolah bestari. Ia juga bertujuan untuk menentukan bentuk program perkembangan staf yang paling sesuai kepada guru-guru.

Penilaian terhadap pengetahuan dan pemahaman guru-guru mengenai sekolah bestari meliputi :

1. Konsep dan matlamat sekolah bestari.
2. Penggunaan teknologi maklumat.
3. Konsep dan proses pengajaran dan pembelajaran sekolah bestari.
4. Pengisian kurikulum sekolah bestari.
5. Pengurusan dan pentadbiran sumber secara efektif.
6. Peranan dan sumbangan badan luar yang berkepentingan.

Pemilihan bentuk program perkembangan staf yang meliputi :

1. Hari yang sesuai untuk dijalankan program perkembangan staf.
2. Jangka masa satu-satu program perkembangan staf.
3. Tempat yang sesuai dijalankan program perkembangan staf.
4. Bilangan peserta dalam satu program perkembangan staf.
5. Status tenaga pengajar.

Kajian ini juga cuba mengenalpasti isi kandungan atau kurikulum yang paling penting kepada guru-guru dalam program perkembangan staf berkenaan dengan sekolah bestari yang meliputi :

1. Konsep dan misi Sekolah Bestari.
2. Panduan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran.
3. Meningkatkan pengetahuan dalam penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan.
4. Kursus literasi komputer.
5. Peranan *stake holder* dalam sekolah bestari.
6. Sistem penilaian sekolah bestari.
7. Pengurusan dan pentadbiran sumber.

Hasilan kajian ini diharapkan menjadi panduan kepada pihak pentadbir serta badan-badan yang berkaitan dengan perlaksanaan sekolah bestari dalam membentuk satu program perkembangan staf yang paling bermakna kepada guru-guru. Pengetahuan yang mendalam berkenaan konsep serta arah tuju sekolah bestari di kalangan

guru-guru nanti diharapkan mampu melaksanakan hasrat sekolah bestari dengan lebih mudah dan terancang.

#### **1.4 Soalan kajian.**

Kajian ini dijalankan untuk mencari jawapan kepada beberapa persoalan berikut:

1. Sejauhmanakah pengetahuan dan pemahaman guru mengenai sekolah bestari ?
2. Sejauhmanakah program perkembangan staf sekolah bestari yang telah dihadiri menepati kehendak dan keperluan guru ?
3. Apakah bentuk program perkembangan staf sekolah bestari yang sesuai untuk guru pada masa hadapan ?
4. Apakah keperluan kurikulum program perkembangan staf sekolah bestari untuk guru pada masa hadapan ?
5. Adakah terdapat hubungan di antara kelayakan akademik tertinggi guru dengan pengetahuan dan kefahaman guru mengenai konsep dan matlamat sekolah bestari ?
6. Adakah terdapat hubungan di antara tahap pengetahuan dan kefahaman guru mengenai konsep pengajaran dan pembelajaran sekolah bestari dengan keperluan mendapatkan panduan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran dalam kurikulum program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan?

### **1.5 Rasional kajian.**

Kajian mengenai bentuk dan keperluan program perkembangan staf di sekolah bestari dijalankan berdasarkan rasional berikut. Program perkembangan staf dilihat sebagai satu cara meningkatkan keberkesanan staf di sekolah. Program perkembangan staf ini perlu dijalankan menurut kehendak dan keperluan semasa. Tujuan dan objektif kursus adalah penting dan perlu diberi penekanan yang serius. Tujuan asas program perkembangan staf adalah untuk meningkatkan dan menambahkan kemahiran-kemahiran dan kebolehan yang diperlukan oleh para pendidikan. Jelaslah program perkembangan staf memainkan peranan penting serta perlu satu perancangan, pelaksanaan serta penilaian yang rapi bagi menghasilkan satu program perkembangan staf yang bermanfaat kepada guru-guru.

Sekolah bestari yang baru dilaksanakan pada tahun 1999 di sekolah-sekolah terpilih di Malaysia menjadi perhatian yang luas dalam dunia pendidikan. Namun sekolah bestari itu sendiri masih kabur di fikiran guru-guru. Perlaksanaan sekolah bestari memerlukan perubahan dari segi kurikulum , peranan guru, meningkatnya penggunaan teknologi maklumat dan lain-lain lagi. Kajian ini nanti diharapkan dapat membantu guru-guru memahami konsep dan misi sekolah bestari dan menentukan apakah yang perlu dipelajari dengan lebih mendalam mengenai sekolah bestari.

Kajian ini dibuat bagi membantu guru-guru di sekolah bestari untuk mendapatkan program perkembangan staf yang bersesuaian dengan kehendak dan keperluan mereka di sekolah bestari. Hasil kajian ini turut membantu penyedia program

perkembangan staf dalam menghasilkan satu program yang cukup bermanfaat kepada guru-guru.

### **1.6 Signifikan kajian.**

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat dan pedoman kepada :

#### **1. Pengubal dan pelaksana program perkembangan staf.**

Kajian ini dapat membantu pengubal program dalam menentukan bentuk kurikulum yang sesuai untuk guru-guru. Pengubal dan pelaksana ini ialah Pegawai Pusat Perkembangan Kurikulum, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri , Pegawai Pendidikan Daerah mahupun Pengetua sekolah. Pelaksanaan kurikulum serta bentuk program perkembangan staf yang mengikut keperluan serta kehendak guru-guru adalah penting untuk meningkatkan kefahaman guru-guru mengenai konsep serta hala tuju sekolah bestari. Ini seterusnya dapat membantu guru-guru melaksanakan program sekolah bestari dengan jayanya.

#### **2. Pengetua**

Hasil kajian ini juga akan membantu pengetua dalam mengesan keperluan guru mengenai sekolah bestari. Ini akan membolehkan pengetua menjalankan usaha-usaha selanjutnya dalam menyediakan satu program perkembangan staf mengenai sekolah bestari yang bersesuaian dengan keperluan guru . Pengetua juga boleh berbincang dengan pelaksana program perkembangan staf mengenai kurikulum

yang sesuai untuk guru-gurunya. Pengetua juga boleh mendapatkan maklumat tentang tahap penguasaan teknologi maklumat di kalangan guru dan kakitangan sokongan.

### 3. Guru-guru.

Menerusi kajian ini guru-guru dapat menentukan bentuk program perkembangan staf yang sesuai pada masa hadapan. Guru-guru juga dapat menentukan kurikulum atau isi kandungan program perkembangan staf mengenai sekolah bestari mengikut keperluan dan pemahaman guru-guru. Program perkembangan staf yang akan diadakan pada masa hadapan berpandukan kehendak dan kepentingan guru-guru akan menambahkan keyakinan guru-guru untuk melaksanakan matlamat sekolah bestari di sekolah masing-masing.

#### **1.7 Batasan kajian.**

Subjek kajian adalah terdiri daripada 50 orang guru di dua buah sekolah bestari di daerah Hilir Perak, Perak. Guru-guru yang dipilih merupakan guru di sekolah bestari dan mereka telah dan akan didedahkan dengan kurikulum Sekolah Bestari disekolahnya. Sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Perak dan Sekolah Menengah Sains, Teluk Intan. Dapatan kajian ini hanya menunjukkan bentuk keperluan guru-guru di dua sekolah tersebut dan tidak dapat mengambarkan keperluan guru di sekolah bestari yang lain secara amnya.

Aspek kajian ini hanya meliputi aspek-aspek yang berikut iaitu :

1. Tahap pengetahuan dan pemahaman guru-guru mengenai sekolah bestari.
2. Sejauhmanakah program perkembangan staf mengenai sekolah bestari yang telah dihadiri menepati kehendak dan keperluan guru.
3. Bentuk program perkembangan staf mengenai sekolah bestari yang paling sesuai untuk guru pada masa hadapan.
4. Keperluan dan kehendak kurikulum program perkembangan staf mengenai sekolah bestari untuk guru pada masa hadapan.
5. Hubungan di antara kelayakan akademik tertinggi guru dengan pengetahuan dan kefahaman guru tentang konsep dan matlamat sekolah bestari.
6. Hubungan di antara tahap pengetahuan dan kefahaman guru mengenai konsep pengajaran dan pembelajaran sekolah bestari dengan keperluan mendapatkan panduan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran dalam kurikulum program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan.

Kajian ini hanya meliputi aspek tersebut di atas dan kajian pada masa hadapan diharapkan dapat meliputi aspek-aspek yang lain serta meliputi bidang yang lebih luas.

## **1.8 Definasi istilah.**

### **1.8.1 Program Perkembangan Staf.**

Program perkembangan staf merupakan satu program atau kursus latihan yang diadakan untuk meningkatkan profesionalisme dan keberkesanannya serta kecekapan kakitangan yang sedang memegang jawatan ataupun sedang berkhidmat (A.L.Ramaiah, 1992 ). Ia merupakan satu program kepada kakitangan guru yang merupakan satu

percubaan secara sistematik untuk mengubah amalan , kepercayaan dan kefahaman profesional ke arah mencapai matlamat yang jelas.

Menurut Hussein Ahmad ( 1991 ) konsep program perkembangan staf boleh memberikan dua pengertian. Pertama ialah usaha untuk memperbanyakkan jumlah kakitangan staf dengan cara pengambilan staf yang baru atau tambahan supaya organisasi sekolah itu boleh terus berkembang. Pengertian kedua bermaksud proses membangunkan kualiti staf daripada segi keilmuan terhadap profesionalisme atau '*profesional world view*' mereka, kerjaya serta kemahiran yang perlu ditingkatkan.

### **1.8.2 Sekolah Bestari.**

Sekolah bestari ialah murid-murid mendapat kemahiran yang tinggi dalam mata pelajaran matematik, sains yang berkaitan dengan kemahiran dalam teknologi pendidikan ( Mohd Salleh Lebar, 1998 ).

Menurut Jabatan Pendidikan Islam dan Moral ( 1997 ) sekolah bestari merujuk kepada sekolah yang memberikan peluang teknologi maklumat interaktif untuk memainkan peranan penting dalam pengajaran , pembelajaran serta proses pengurusan. Sekolah bestari Malaysia akan memfokuskan usaha dalam melahirkan ' kanak - kanak bestari ' iaitu mereka yang kreatif dan berupaya menjana maklumat baru. Kanak - kanak bestari ini akan menjadi fleksibel, menganalisis dan mengambil kira semua pilihan yang didapati sebelum membuat keputusan.

Konsep sekolah bestari mengikut Smart School Projek Team ( 1997 ) ialah:

"The Malaysian Smart School is a learning institution that has been systemically reinvented in terms of teaching-learning practices and school management in order to prepare children for the Information Age"

ms 10

Faiziah Haji Mohamed Kasim ( 1998 ) turut mendefinasikan sekolah bestari adalah merupakan sekolah era baru yang dilengkapi dengan pelbagai alat teknologi pengajaran dan pembelajaran yang serba canggih dan moden seperti komputer, peralatan sidang video, audio, infrastruktur telekomunikasi yang mempunyai perisian memproses perkataan, *spreadsheet*, internet, alat pembelajaran di sekolah bestari akan mencorakkan terarah kendiri mengikut kadar individu, berkesinambungan, reflektif dan berpusat kepada pelajar.

Dapat disimpulkan bahawa sekolah bestari adalah sebuah sekolah yang menggunakan komputer dan multimedia lain yang canggih dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan dan pentadbiran sekolah. Kurikulum yang sama akan digunakan tetapi satu budaya pembelajaran yang baru perlu diterapkan di kalangan pelajar. Pelajar akan dilatih mempunyai kemahiran kendiri dalam menyelesaikan masalah dengan menggunakan kemudahan teknologi maklumat yang ada dan guru berubah peranan kepada seorang pembimbing , penggerak dan fasilitator.

### **1.9 Kesimpulan.**

Kajian mengenai program perkembangan staf untuk guru-guru sekolah bestari merupakan satu kajian yang baru dan bersesuaian dengan keperluan masa kini. Pengubal program serta pihak pentadbiran sekolah masih berusaha membentuk satu

bentuk program perkembangan staf yang paling sesuai serta memenuhi kehendak guru-guru berkaitan dengan pelaksanaan sekolah bestari.

Hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi garis panduan kepada pihak tertentu seperti Jabatan Pendidikan Negeri , Pegawai Pendidikan Daerah dan Pengetua sekolah dalam merangka dan melaksanakan program perkembangan staf yang berkesan untuk guru-guru di sekolah bestari.